



كامر كتوا حاكم شرعي محكمه شرعية نكري ملاك

KAMAR KETUA HAKIM SYARIE

MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA

KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH MELAKA,

JALAN AYER KEROH LAMA, HANG TUAH JAYA,

75450 MELAKA

Tel. Pejabat : 06-233 2050

Fax : 06-231 1275

Laman Web : www.mahsyariahmelaka.gov.my

Ruj.Kami : MSNM 100-1/6/3 ()

Tarikh : 13 Ogos 2018

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Tuan/Puan Pegawai Mahkamah Syariah,
Tuan/Puan Peguam Syarie,
Pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah,

Yang Arif / Tuan / Puan,

ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA BIL.1 TAHUN 2018

Permohonan Kebenaran Berkahwin Di Bawah Umur

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif / Tuan / Puan kepada keputusan Muzakarah Hakim Syarie Mahkamah Syariah Negeri Melaka Bil.3 tahun 2018 pada 3 hingga 5 Ogos di Hotel Heritage, Cameron Highlands, Pahang telah bersetuju memutuskan bahawa;

1. Individu yang hendak berkahwin di bawah umur menurut seksyen 8 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Melaka, tahun 2002 hendaklah menjadi Pemohon di dalam Permohonan Kebenaran Kebenaran Berkahwin Di Bawah Umur.
2. Mahkamah yang mendengar permohonan tersebut hendaklah merujuk kepada Standard Operating Procedure (SOP) Permohonan Perkahwinan Bawah Umur seperti di Lampiran A.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“SYARIAH ASAS KEADILAN”

Saya yang menurut perintah,

(DATUK HJ MOHD RADZI BIN HJ ABD LATIF)

Ketua Hakim Syarie

Mahkamah Syariah Negeri Melaka

**STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)
PERMOHONAN PERKAHWINAN BAWAH UMUR**

Pegawai bertanggungjawab	PROSES KERJA PERMOHONAN PERKAHWINAN BAWAH UMUR
PENDAFTARAN KES	
Petugas kaunter	1. Pemohon hadir ke mahkamah.
Petugas kaunter	2. Pastikan : 2.1 Jika lelaki berumur kurang daripada 18 tahun 2.2 Jika perempuan berumur kurang daripada 16 tahun *Berdasarkan dokumen pengenalan diri sama ada kad pengenalan/ surat beranak/ passport/ dokumen lain yang berkaitan.
Petugas kaunter	3. Pastikan pemohon memfailkan: a. Kad pengenalan/ Dokumen pengenalan diri/Borang Butiran Diri b. Permohonan melalui Borang MS3; c. Afidavit sokongan; d. Surat iringan dan laporan dari Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk (NCR); e. Apa-apa dokumen lain yang difikirkan perlu jika berkaitan. f. Membayar fi yang telah ditetapkan.
Petugas kaunter	4. Setelah berpuas hati terhadap dokumen-dokumen yang difailkan, pastikan kes didaftar dan diberi no. kod 050 mengikut dewan/daerah/negeri.
Petugas kaunter	5. Tetapkan tarikh sebutan/pendengaran dalam tempoh 21 hari selepas kes difailkan. *Pastikan permohonan perakuan segera sekiranya memerlukan kesegeraan.

Petugas kaunter/ Penghantar Notis	6. Pastikan notis penyampaian disampaikan kepada pihak-pihak (jika ada).
Penghantar Notis	7. Pastikan afidavit penyampaian serah/tak serah disempurnakan.
SEBUTAN KES	
Pembantu hakim	8. Memastikan kehadiran pihak-pihak di mahkamah yang ditetapkan dalam Notis Permohonan.
Hakim/Pendaftar/ Penolong Pendaftar	9. Mendengar permohonan pemohon sama ada meneruskan prosiding atau menetapkan tarikh pendengaran kes.
PENDENGARAN KES	
Hakim	10. Pada hari pendengaran, jika pemohon perempuan: (i) Pastikan pendengaran dalam kamar. (ii) Pastikan pemohon sendiri yang hadir. (iii) Pastikan bidangkuasa mahkamah berdasarkan seksyen 4 dan seksyen 8. (iv) Pastikan umur pemohon kurang daripada 16 tahun. (v) Pastikan tujuan/sebab hendak berkahwin. (vi) Pastikan pemohon rela hati untuk berkahwin. (vii) Pastikan persetujuan ibu bapa/penjaga diperoleh. (viii) Pastikan soalan-soalan berikut dikemukakan kepada pemohon: a) <u>Alasan permohonan</u> i. Sebab/ tujuan pemohon hendak berkahwin. ii. Sekiranya terdapat apa-apa paksaan, ugutan atau habuan daripada perkahwinan. iii. Kerelaan terhadap perkahwinan. iv. Apa-apa soalan yang relevan berkaitan dengan S52(1)(g) Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga

	Islam yang memperuntukkan bahawa isteri, setelah dikahwinkan oleh wali mujbirnya sebelum dia mencapai umur baligh, menolak perkahwinan itu sebelum mencapai umur 18 tahun, dan dia belum disetubuhi oleh suaminya itu. b) <u>Latar belakang keluarga pemohon</u> - Status perkahwinan ibu bapa pemohon. - Tempat tinggal/dengan siapa pemohon tinggal. - Pekerjaan ibu bapa/ penjaga pemohon. - Jumlah adik-beradik pemohon. - Jumlah pendapatan isi rumah pemohon. c) <u>Latar belakang keluarga bakal suami pemohon</u> - Status perkahwinan ibu bapa bakal suami pemohon. - Tempat tinggal ibu bapa bakal suami pemohon. - Pekerjaan ibu bapa bakal suami pemohon. - Status sosial keluarga bakal suami pemohon. d) <u>Kemaslahatan (kemampuan, status pendidikan, sifat peribadi dan kesihatan)</u> - Kesediaan keluarga pemohon untuk membantu dari segi kewangan dan moral. - Tempat tinggal pemohon dan pasangan setelah berkahwin. - Status/tahap pendidikan terkini pemohon. - Masa dan sebab pemohon berhenti sekolah (sekiranya berhenti sekolah). - Meneruskan persekolahan atau berhenti (sekiranya
--	--

	diberi kebenaran berkahwin). vi. Sifat peribadi/ akhlak pemohon. vii. Tahap pengetahuan agama. viii. Tahap kesihatan pemohon sama ada sihat atau berpenyakit berdasarkan laporan kesihatan yang dikemukakan (jika berkaitan). ix. Tahap kematangan/psikologi pemohon berdasarkan Laporan bertulis daripada JKM (jika berkaitan). e) <u>Latar belakang seksual/reproduktif</u> i. Umur pemohon mencapai akil baligh. ii. Kefahaman pemohon terhadap hubungan seksual dan kesannya. iii. Kesiediaan pemohon untuk melakukan hubungan seksual selepas berkahwin. iv. Kesiediaan pemohon untuk mengandung selepas berkahwin. f) <u>Kefahaman terhadap perkahwinan</u> i. Kefahaman pemohon terhadap tanggungjawab sebagai Isteri. ii. Kefahaman pemohon terhadap kesan perkahwinan seperti kos kehidupan, tugas dan tanggungjawab sebagai ibu. g) <u>Sekufu</u> i. Umur pasangan pemohon. ii. Latar belakang pasangan pemohon. iii. Apa-apa soalan yang berkaitan dengan sekufu.
--	--

h) Wali

- i. Persetujuan wali diperoleh
- ii. Tiada paksaan daripada wali: Sama ada wujudnya dorongan/kemiskinan/habuan/desakan dan lain-lain.

*Laporan sosial daripada JKM, Laporan Kesihatan daripada KKM dan Laporan polis daripada PDRM diminta jika berkaitan.

*Semua prosiding ini hendaklah dicatat.

11. Pada hari pendengaran, jika pemohon lelaki:

- (i) Pastikan pendengaran dalam kamar.
- (ii) Pastikan pemohon sendiri yang hadir.
- (iii) Pastikan bidangkuasa mahkamah berdasarkan seksyen 4 dan seksyen 8.
- (iv) Pastikan umur pemohon kurang daripada 18 tahun.
- (v) Pastikan tujuan/sebab hendak berkahwin.
- (vi) Pastikan pemohon rela hati untuk berkahwin.
- (vii) Pastikan persetujuan ibu bapa/penjaga diperolehi.
- (viii) Pastikan soalan-soalan berikut dikemukakan kepada pemohon:

a) Alasan permohonan

- i. Sebab/ tujuan pemohon hendak berkahwin.
- ii. Sekiranya terdapat apa-apa paksaan, ugutan atau habuan daripada perkahwinan.
- iii. Kerelaan terhadap perkahwinan.

b) Latar belakang keluarga pemohon

- i. Status perkahwinan ibu bapa pemohon.
- ii. Tempat tinggal/dengan siapa pemohon tinggal.
- iii. Pekerjaan ibu bapa/ penjaga pemohon.
- iv. Jumlah adik-beradik pemohon.

	v. Jumlah pendapatan isi rumah pemohon. c) <u>Latar belakang keluarga bakal isteri pemohon</u> i. Status perkahwinan ibu bapa bakal isteri pemohon. ii. Tempat tinggal ibu bapa bakal isteri. iii. Pekerjaan ibu bapa/ bakal isteri pemohon. iv. Status sosial keluarga bakal isteri pemohon. v. Latar belakang pendidikan keluarga bakal isteri pemohon. d) <u>Kemaslahatan (kemampuan, status pendidikan, sifat peribadi dan kesihatan)</u> i. Sumber kewangan/pendapatan pemohon (bukti kemampuan kewangan seperti slip gaji/pengesahan majikan/penyata akaun bank.) ii. Kesediaan keluarga pemohon untuk membantu dari segi kewangan dan moral. iii. Tempat tinggal pemohon dan pasangan setelah berkahwin. iv. Kemampuan untuk menjaga dan menyara anak pemohon selepas dilahirkan. v. Status/tahap pendidikan terkini pemohon. vi. Masa dan sebab pemohon berhenti sekolah (sekiranya berhenti sekolah). vii. Meneruskan persekolahan atau berhenti (sekiranya diberi kebenaran berkahwin). viii. Sifat peribadi/ akhlak pemohon.
--	---

- ix. Tahap pengetahuan agama.
- x. Tahap kesihatan pemohon sama ada sihat atau berpenyakit berdasarkan laporan kesihatan yang dikemukakan (jika berkaitan).
- xi. Tahap kematangan/psikologi pemohon berdasarkan laporan bertulis daripada JKM (jika berkaitan)

e) Latar belakang seksual/reproduktif

- i. Umur pemohon mencapai akil baligh.
- ii. Kefahaman pemohon terhadap hubungan seksual dan kesannya.
- iii. Kesiediaan pemohon untuk melakukan hubungan seksual selepas berkahwin.

f) Kefahaman terhadap perkahwinan

- i. Kefahaman pemohon terhadap tanggungjawab sebagai suami.
- ii. Kefahaman pemohon terhadap kesan perkahwinan seperti kos kehidupan, tugas dan tanggungjawab sebagai bapa.

g) Sekufu

- i. Umur pasangan pemohon.
- ii. Latar belakang pasangan pemohon.
- iii. Apa-apa soalan yang berkaitan dengan sekufu.

*Laporan sosial daripada JKM, Laporan Kesihatan daripada KKM dan Laporan polis daripada PDRM diminta jika berkaitan.

*Semua prosiding ini hendaklah dicatat.

Hakim	12. Pada hari pendengaran, orang berikut hendaklah dipanggil memberi keterangan: a. Bapa/Penjaga/Wali b. Pasangan (bakal suami/isteri) c. Ibu (Jika berkenaan) d. Saksi-saksi lain (Jika berkenaan) *Semua prosiding ini hendaklah dicatat.
Hakim	13. Pastikan soalan-soalan berikut dikemukakan kepada bapa/penjaga: i. Persetujuan bapa/penjaga. ii. Sebab-sebab membenarkan anak berkahwin. iii. Sama ada wujudnya dorongan/kemiskinan/habuan/desakan dan lain-lain. iv. Kadar mas kahwin. v. Kadar hantaran dan kos perkahwinan. vi. Kesediaan bapa/penjaga untuk membantu dari segi kewangan dan moral. vii. Pengetahuan status sosial bakal keluarga pasangan anak. viii. Tahap pengetahuan agama anak. ix. Lain-lain soalan yang difikirkan perlu. *Semua prosiding ini hendaklah dicatat.
Hakim	14. Sabitan.
Hakim	15. Keputusan beserta Alasan Penghakiman.
Pembantu hakim	16. Pastikan perintah disediakan oleh mahkamah.
Hakim/Pendaftar	17. Perintah ditandatangani dan dimeterai.
Pembantu hakim/petugas kaunter	18. Perintah diserahkan kepada pemohon.

